



TIGA pelajar SJKT Ladang Strathisla (dari kiri) R. Rjmana, A. Krishnathan dan M. Nagamal terpaksa membersihkan kelas selepas sekolah mereka dilanda banjir semalam.

Kempunan ikuti peperiksaan percubaan UPSR

Oleh NURUL IZZA ROSLY
izza@kosmo.com.my

IPOH - Lima pelajar tahun enam Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Strathisla, Ipoh yang ingin menduduki peperiksaan percubaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) semalam terpaksa pulang hampa apabila sekolah itu ditutup kerana dilanda banjir lumpur.

Kejadian itu juga menyebabkan 25 pelajar tahun satu hingga lima tidak dapat belajar selepas sekolah tersebut ditutup untuk dibersihkan.

Banjir lumpur yang melanda sekolah yang mempunyai 30 pelajar dan lima guru serta dua pekerja am itu didakwa berpunca daripada projek pembangunan perumahan berhampiran.

KOSMO! difahamkan, kejadian itu adalah yang ketiga berlaku tahun ini dan kelima dalam tempoh dua tahun.

Menurut pekerja am sekolah tersebut, Ikhsan Othman, 56, dia terkejut melihat

keadaan sekolah yang dipenuhi lumpur dan selut sebaik tiba pukul 6.50 pagi.

"Keadaan ini mungkin disebabkan hujan lebat selama lima jam malam semalam (kelmarin) dari pukul 7.30 petang hingga 12 tengah malam.

"Mungkin air naik sehingga hampir satu meter jika dilihat daripada kesan di dinding," katanya.

Guru Kanan sekolah itu, W. Katherine Mary berharap masalah tersebut dapat diselesaikan segera agar pelajaran tidak terganggu.

Sementara itu, seorang pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Ipoh ketika ditemui berkata, pelajar sekolah itu akan ditempatkan sementara di Sekolah Kebangsaan Chepor yang terletak kira-kira setengah kilometer dari situ bagi meneruskan pembelajaran.

KOSMO! difahamkan, pihak pemaju projek perumahan berhampiran berjanji untuk membina sekolah baru di Taman Mas bagi menggantikan sekolah yang sedia ada.